

PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Pejabat Kewangan Negeri,
Tingkat 5, Blok D, Wisma Negeri,
70503 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.



Telefon : 06 - 7659961 (Talian Terus)
06 - 7659962 (Talian Terus)

No. Faks: 06 - 7636352
06 - 7671702

Fail Kami : P.Kw.N./N.S.(349) 600/4 Klt.8 (13)

Tarikh : 12 Jun 2023

**SURAT PEKELILING PEJABAT KEWANGAN
DAN PERBENDAHARAAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN BIL. 2 TAHUN 2023**

**SEMUA PEGAWAI PENGAWAL
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**PERATURAN MENGENAI KEMUDAHAN ALAT KOMUNIKASI MUDAH
ALIH BAGI JABATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan / Puan kepada perkara tersebut di atas dan Pekeliling Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus Bilangan 3 Tahun 2023 - Peraturan Mengenai Kemudahan Alat Komunikasi Mudah Alih Bagi Jabatan Kerajaan Negeri Sembilan.

2. Seperti yang YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Pentadbiran ini telah mengeluarkan pekeliling baharu berkenaan Peraturan Mengenai Kemudahan Alat Komunikasi Mudah Alih Bagi Jabatan Kerajaan Negeri Sembilan yang telah berkuat kuasa mulai 10 Mac 2023 yang lalu.

3. Sukacita dimaklumkan bahawa Pentadbiran ini bersetuju untuk menyelaras semula kadar bantuan pembelian alat komunikasi mudah alih dan caj talian telefon seperti di **Lampiran A** setelah mengambil kira keperluan pegawai di Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan. Penyelarasan kadar ini tertakluk kepada kawalan dalaman oleh Pegawai Pengawal berdasarkan peruntukan kewangan yang mencukupi. Tiada peruntukan tambahan akan diberikan bagi tujuan penyelarasan kadar ini.

4. Surat Pekeliling ini **berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan** dan hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus Bilangan 3 Tahun 2023 - Peraturan Mengenai Kemudahan Alat Komunikasi Mudah Alih Bagi Jabatan Kerajaan Negeri Sembilan bertarikh 10 Mac 2023 di mana syarat-syarat lain dalam pekeling tersebut adalah kekal dan masih berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BERSIH. MUAFAKAT. SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATU' HAJI MOHD KHIDIR BIN MAJID)

Pegawai Kewangan Negeri

Negeri Sembilan Darul Khusus

LAMPIRAN A**KADAR BANTUAN PEMBELIAN ALAT KOMUNIKASI MUDAH ALIH DAN CAJ BULANAN TALIAN TELEFON BAGI JABATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

PEGAWAI	KADAR BANTUAN PEMBELIAN (Termasuk Aksesori)	HAD CAJ MAKSIMUM BULANAN
Turus III dan ke atas/setaraf	RM2,500.00	RM500.00
Gred Utama/Khas C hingga A dan setaraf	RM2,000.00	RM350.00
Gred 54 (Ketua Jabatan/ Ketua Bahagian)	RM1,000.00	RM200.00
Gred 52 dan 53 (Ketua Jabatan/ Ketua Bahagian)	RM1,000.00	RM150.00
Gred 48 (Ketua Bahagian / Ketua Unit/Seksyen/Ketua Penolong Pegawai Daerah)	RM750.00	RM120.00
Gred 41 dan 44 (Ketua Unit/Seksyen/ Penolong Pegawai Daerah)	RM750.00	RM100.00
Juruiring / Pengiring Rapat / Pengawal Peribadi dan Pemandu Kereta Rasmi Jawatan	RM375.00	RM50.00



Kadar ini **berkuatkuasa** mulai tarikh surat **Pekeliling Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Sembilan Bil 2/2023** dikeluarkan.